

10.0 KAJIAN SOSIOLOGI PESAWAH PADI INBRED DI KAWASAN IADA PEKAN DAN IADA ROMPIN, PAHANG

Ahmad Zairy Zainol Abidin*, Dr. Mohd Fauzi Sukimi**, Dr. Engku Elini Engku Ariff*, Asruldin Ahmad Sobri*, Mohd Amirul Mukmin Abdul Wahab* dan Nor Hayati Suratman*

*Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran dan Agribisnes

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

10.1 PENDAHULUAN

Pengeluaran padi di Malaysia masih menjadi fokus utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11 2016 – 2020) dan Dasar Agro Makanan Negara (2011 – 2020) (DAN 2011 – 2020). Dalam RMKe-11, fokus utama bidang pertanian akan menumpukan kepada jaminan bekalan makanan, meningkatkan produktiviti, meningkatkan kemahiran petani, menambah baik khidmat sokongan dan penyampai kepada petani.

Faktor amalan pertanian dan penggunaan teknologi yang rendah diantara ketidakupayaan para petani dalam memahami dan mengamalkan amalan pertanian yang sebetulnya, penggunaan input, keselamatan persekitaran dan guna teknologi dengan optimumnya yang menjadi punca kekangan dalam amalan kaedah tradisional. Amalan pertanian dan penggunaan input seperti penggunaan racun adalah kadang kala tidak bersesuaian dengan keperluan yang sepatutnya seperti yang dinyatakan dalam Hairuddin (2012). Perkara ini juga dinyatakan oleh Rosnani (2016) dan Noorlidawati (2015) yang mengatakan bahawa tahap amalan terhadap penggunaan teknologi serta penghasilan kualiti beras dan produktiviti pengeluaran yang masih rendah, dan terdapat petani yang tidak mengamalkan amalan pertanian yang disyorkan.

Tahap pengeluaran yang rendah ini mewujudkan persoalan sama ada keupayaan petani kini dalam menghasilkan jumlah pengeluaran yang tinggi sebenarnya disebabkan oleh kekurangan bahan sumber atau kelemahan dalam sistem pengendalian oleh para petani sendiri. Oleh itu, kajian ini ingin melihat apakah penyumbang kepada wujudnya jurang sosiologi pesawah dalam penghasilan padi yang optimum serta impak input subsidi.

10.2 LATAR BELAKANG

Kemajuan dalam sektor pertanian dikatakan telah mencapai tahap pelaksanaan pertanian moden dalam kalangan pesawah kerana telah terdapat banyak bantuan-bantuan terutama jentera dan mekanisasi dalam menjalankan operasi seharian mereka. Bantuan serta khidmat nasihat daripada pihak agensi pengembangan seperti daripada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Persatuan Pertubuhan Peladang Malaysia (NAFAS) turut diberikan untuk memastikan modal insan petani-petani berada pada tahap pertanian moden.

Terdapat pandangan bahawa para pesawah masih mengamalkan sistem pertanian tradisional seperti mengusahakan sawah secara manual, amalan kerja yang lebih kepada konsep tanam, tinggal dan tuai, dan tidak mahu menggunakan teknologi baru dikatakan di antara sebab berlakunya kekurangan tahap pengeluaran yang ada kini. Tetapi ada juga dakwaan yang mengatakan bahawa tahap pesawah kini telah mencapai tahap pertanian moden kerana telah diperkenalkan kepada teknologi-teknologi baru yang berkaitan dengan industri sawah padi. Perubahan terhadap amalan pertanian moden ini diperlukan untuk memastikan keupayaan pengeluaran padi dan beras dapat dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan negara menjelang tahun 2020.


Namun, apakah yang menjadi kayu pengukur dalam menentukan sama ada para pesawah ini berada di tahap pengeluaran yang optimum. Walaupun telah ada teknologi-teknologi terkini disediakan untuk membantu pelaksanaan para petani, adakah amalan kerja dalam kalangan petani telah membantu memastikan pengeluaran berhasil seperti yang diharapkan?. Amalan kerja dalam kalangan pesawah itu sendiri perlu dilihat sama ada telah mencapai piawai yang boleh dibandingkan dalam membezakan keupayaan hasil dan pendapatan yang diperoleh oleh petani sawah padi berdasarkan kawasan penanaman.

Kajian ini juga merupakan pecahan kajian daripada kajian utama iaitu Kajian Penilaian Ekonomi dan Sosiologi Penanam Padi Inbred yang berlangsung daripada 2016-2020. Laporan ini merupakan laporan awalan bahagian ke-4 yang dilaporkan meliputi kawasan IADA Pekan dan IADA Rompin. Laporan awalan terdahulu telah meliputi kawasan jelapang seperti MADA dan IADA Pulau Pinang (2016), KADA, IADA Kemasin Semerak, dan IADA KETARA (2017) dan IADA Kerian, IADA Seberang Perak dan IADA Barat Laut Selangor (2018). Pendekatan kajian dan pelaporan adalah menggunakan kaedah yang sama bagi setiap jelapang yang dilaksanakan bagi memastikan keseragaman hasil dapatan yang dijalankan.

10.3 METODOLOGI KAJIAN

10.3.1 Kerangka Model

Kajian ini menggunakan Model Struktur-Proses-Budaya (SPB) oleh Paulu Wirotomo (2011). Model ini digunakan bagi menunjukkan bagaimana hubung kait di antara struktur, proses dan budaya membentuk satu proses kerja yang lengkap bagi memastikan amalan kerja berjalan dengan betul. Analisis ini menilai bagaimanakah struktur, proses dan budaya petani sawah dalam mengenal pasti keberkesanan dalam mendapatkan hasil yang tinggi dan juga manfaat penggunaan input subsidi. Analisis ini juga berupaya membandingkan keupayaan hasil dan pendapatan yang diperoleh oleh petani sawah padi berdasarkan kawasan penanaman dalam konteks proses kerja mereka.



Rajah 10.1. Model Struktur, Proses dan Budaya

Sumber: Paulu Wirotomo (2011)

Struktur	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan yang terjalin diantara kumpulan sosial yang mempunyai kuasa formal dan tidak formal dalam masyarakat. • Lazimnya merupakan institusi kerajaan atau golongan yang mempunyai suara dalam kelompok masyarakat.
Proses	<ul style="list-style-type: none"> • Proses dinamik yang terhasil 'hari demi hari' tanpa kaedah formal yang bersandarkan kepada struktur dan budaya. • Proses pelaksanaan yang wujud atau tidak wujud akibat pengaruh formal dan tidak formal dalam perilaku seharian.
Budaya	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem yang mempunyai nilai, norma, kepercayaan dan tradisi yang digunapakai oleh masyarakat yang berupaya membentuk perilaku. • Merupakan sistem yang lazimnya diwarisi atau wujud terkemudian hasil daripada perubahan struktur dan proses.

Rajah 10.2. Huraian Model Struktur, Proses dan Budaya

Kajian ini menggunakan soalan-soalan yang dibina berdasarkan kepada model struktur, proses dan budaya bagi menjawab persoalan mengenai faktor wujudnya jurang hasil dan juga impak penggunaan subsidi padi kepada hasil para petani seperti dalam *Jadual 10.1*.

Jadual 10.1. Kerangka soalan kajian

PERSOALAN	STRUKTUR	PROSES	BUDAYA
Faktor yang menyumbang kepada jurang hasil padi	Kemudahan fizikal dan bukan fizikal. Agensi yang terlibat dalam khidmat nasihat dan lain-lain. Aturan/garis panduan yang ada.	Proses kerja/pelaksanaan. Kerja yang dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Kaedah yang digunakan sesuai ataupun tidak.	Amalan kerja yang positif yang diamalkan. Nilai-nilai positif petani yang ada dan dikenal pasti.
	Diandaikan iaitu: Semakin baik struktur, semakin tinggi prestasi/hasil.	Diandaikan iaitu: Semakin banyak proses dilaksanakan, semakin tinggi prestasi/hasil.	Diandaikan iaitu: Semakin tinggi amalan budaya, semakin tinggi prestasi/hasil.
Impak penggunaan input subsidi kepada hasil padi	Subsidi merupakan satu bentuk struktur. Penilaian berdasarkan kepada penerimaan terhadap jenis-jenis subsidi yang diterima.	Cara penggunaan/ aplikasi subsidi yang digunakan menepati apa yang disyorkan. Menerima/ tidak menerima khidmat nasihat yang diberikan.	Amalan yang digunakan/ diamalkan oleh petani dalam penggunaan subsidi yang diberikan. Berkaitan dengan nilai dan norma amalan kerja yang diberikan.

10.3.2 Sumber dan pengumpulan data

Kajian sosiologi ini menggunakan data primer dan sekunder daripada Kajian Penilaian Ekonomi Padi Inbred iaitu kajian bersama yang dijalankan untuk kajian induk bertajuk Kajian Penilaian Ekonomi dan Sosiologi Padi Inbred. Data sekunder diperoleh daripada agensi yang terlibat iaitu IADA Pekan dan IADA Rompin. Maklumat keluasan dan pembahagian kawasan dianalisis untuk mendapatkan kaedah pensampelan yang bersesuaian. Survei (data primer) kepada petani dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur. Borang soal selidik dibina berdasarkan analisis survei kumpulan fokus yang dijalankan di IADA Pekan dan IADA Rompin.

Pengumpulan data primer melalui dua fasa. Fasa pertama ialah pengumpulan maklumat melalui survei kumpulan fokus yang dijalankan terhadap pegawai pengembangan, petani dan servis provider. Maklumat yang di kumpulan ialah tarikh penanaman, jenis tanah, varieti pada yang ditanam, kategori servis provider dan amalan penanaman padi.

Fasa kedua dijalankan oleh pegawai pengembangan di kawasan jelapang terpilih. Pengumpulan data dilaksanakan selama dua musim iaitu musim utama dan luar musim. Kajian menggunakan kaedah pensampelan berstrata. Petani dan *servis provider* dipilih secara rawak daripada setiap kawasan. *Jadual 10.2* menunjukkan pensampelan responden.

Jadual 10.2. Bilangan responden mengikut jelapang

Jelapang	Kawasan (wilayah/ daerah/ jajahan/ zon)	Petani
IADA Pekan	1	40
IADA Rompin	1	37

10.3.3 Analisis kajian

Analisis deskriptif dilaksanakan untuk menterjemahkan dapatan kajian yang ditafsirkan dengan jumlah dan peratusan untuk menunjukkan bagaimanakah tahap amalan kerja yang dilakukan oleh para petani dalam memenuhi model struktur, proses dan budaya. Data yang diperoleh juga dilakukan analisis berjadual silang untuk mendapatkan kesimpulan dan hubungan di antara dapatan kajian yang diperoleh.

Dalam melaksanakan proses analisis, terdapat beberapa proses pelaksanaan yang perlu dilakukan dalam memproses data iaitu pengeditan, pengekodan, membuat jadual dan akhirnya analisis data. Secara ringkasnya, proses pengeditan dilakukan bagi memastikan semua soalan dijawab sepenuhnya oleh responden. Proses pengekodan pula dilakukan dengan membuat pelabelan ke atas semua pemboleh ubah untuk memudahkan analisis menggunakan perisian komputer. Bagi memudahkan proses analisis, penjadualan data dilakukan agar semua data yang diperoleh tersusun dan mudah difahami.

Akhir sekali, data yang telah dilabelkan, dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Statistics v.23. Hasil dapatan daripada analisis ini akan membolehkan kita menentukan apakah penyumbang kepada wujudnya jurang dalam penghasilan padi yang optimum serta impak input subsidi dalam kalangan pesawah.

10.4 DAPATAN KAJIAN

Kedua-dua kawasan jelapang padi iaitu IADA Pekan dan IADA Rompin merupakan kawasan jelapang yang menjalankan kerja-kerja seharian mereka berdasarkan kepada panduan penanaman padi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian dan juga daripada manual yang dikeluarkan oleh MARDI. Namun begitu panduan-panduan yang ada ini kadang kala tidak dipatuhi dan ini menyumbang kepada kurangnya keberkesanan dalam pengeluaran padi yang optimum. Kewujudan jurang hasil di antara ketiga-tiga kawasan ini akan di nilai dengan berpandukan kepada model struktur, proses dan budaya berdasarkan kepada soalan-soalan kajian seperti berikut dalam *Jadual 10.3* bagi mengukur faktor penyebab jurang hasil.

Jadual 10.3: Variabel soalan untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

Senarai faktor-faktor yang penyumbang kepada jurang hasil		
STRUKTUR	PROSES	BUDAYA
<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi sawah (dekat dengan sumber air) • Jenis tanah • Hadir kursus • Terima subsidi • Penglibatan Agensi • Panduan penanaman (<i>rice check</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan • Aktiviti ladang mengikut panduan penanaman • Masalah dan kekangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Faedah Kursus • Peningkatan pengetahuan daripada kursus • Kepercayaan terhadap sumber maklumat • Keberkesanan maklumat yang diberikan oleh agensi • Faktor persekitaran • Faktor lokasi • Faktor amalan

Model yang sama juga digunakan untuk menjawab impak pengguna input subsidi kepada hasil padi dan pendapatan petani berdasarkan soalan-soalan kajian seperti dalam *Jadual 10.4*.

Jadual 10.4. Variabel soalan untuk mengukur impak penggunaan subsidi kepada hasil padi

Senarai faktor-faktor yang memberikan impak terhadap penggunaan subsidi terhadap hasil padi		
STRUKTUR	PROSES	BUDAYA
<ul style="list-style-type: none"> Menerima/ tidak menerima bantuan jenis-jenis subsidi yang diberikan kerajaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Menerima bantuan subsidi pada masa yang sepatutnya. 	<ul style="list-style-type: none"> Keberkesanan bantuan subsidi terhadap peningkatan hasil. Kesan penggunaan subsidi terhadap gaya kehidupan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hasil padi bagi dua-dua kawasan adalah sama diantara IADA Pekan dan IADA Rompin seperti dalam *Jadual 10.5*.

Jadual 10.5. Hasil padi mengikut jelapang

Kawasan	Purata Hasil (tan)
IADA Pekan	3.35
IADA Rompin	3.35

Sumber: Data kajian (2019)

Walaupun kedua-dua kawasan ini mempunyai hasil purata yang sama, namun begitu didapati bahawa terdapat perbezaan daripada amalan kerja yang diamalkan oleh para petani dan perbezaan ini dapat dilihat berdasarkan model struktur, proses dan budaya.

10.4.1 Faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Model struktur, proses dan budaya akan menerangkan bagaimana STRUKTUR yang disediakan oleh pihak Kementerian atau Agensi dan PROSES iaitu amalan kerja yang sepatutnya dilakukan oleh petani akan menyebabkan satu BUDAYA dalam kalangan petani yang menunjukkan kecukupan struktur, pematuhan amalan proses yang akan membentuk budaya yang positif dan baik di kalangan para petani ini. Model ini juga akan mengenal pasti apakah perbezaan yang wujud di antara kawasan-kawasan jelapang ni dan faktor-faktor penyumbang kepada jurang hasil di antara ketiga kawasan jelapang ini.

10.4.1.1 Analisis struktur untuk faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Analisis untuk STRUKTUR, enam soalan digunakan untuk menilai faktor penyumbang kepada berlakunya jurang hasil di ketiga-tiga kawasan jelapang ini. Keenam-enam soalan tersebut adalah seperti dalam *Jadual 10.6*.

Jadual 10.6. Penerangan variabel soalan struktur untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

Variabel	Penerangan variabel
JS1. Lokasi sawah (dekat dengan sumber air)	Lokasi sawah yang dekat dengan sumber air akan membantu meningkatkan hasil.
JS2. Jenis tanah	Jenis tanah yang ada mempengaruhi peningkatan hasil.
JS3. Hadir kursus	Peratus pesawah yang hadir pelbagai kursus untuk meningkatkan pemahaman akan membantu meningkatkan hasil.
JS4. Terima subsidi	Bilangan jenis subsidi yang diterima dalam membantu meningkatkan hasil.
JS5. Penglibatan Agensi	Penglibatan agensi lain (MARDI, JP, LPP - maklumat, bantuan dan teknologi) mempengaruhi peningkatan hasil
JS6. Panduan penanaman (Rice check)	Panduan amalan pertanian yang baik diberikan kepada para petani untuk membantu meningkatkan hasil

Ketujuh-tujuh soalan ini ditanyakan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan dalam konteks struktur yang diguna pakai di antara ketiga-tiga kawasan jelapang ini. Struktur memberikan satu garis panduan mengenai bagaimanakah bantuan yang sumbangan yang diberikan oleh pihak kementerian atau agensi yang berkaitan dalam membantu para petani sawah dalam kegiatan menanam mereka.

Jadual 10.7 dan Lampiran 10.1 merupakan dapatan yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam lokasi sawah, jenis tanah, kadar kehadiran kursus, jumlah penerimaan jenis baja subsidi dan keperluan penglibatan agensi lain selain IADA dalam membantu para petani dalam menjalankan aktiviti pertanian mereka.

Di IADA Pekan, di dapati bahawa 73% petak sawah berada hampir dengan sumber air. Namun begitu, peningkatan terhadap infrastruktur masih perlu kerana seharusnya kawasan yang mempunyai akses kepada sumber air hendaklah melebihi 75% kerana jika masih terdapat kawasan yang tidak mempunyai akses penuh kepada sumber air, ini akan menyukarkan proses pengairan terutama sewaktu proses menabur benih dan secara tidak langsung mempengaruhi hasil. Selain daripada itu juga, tidak kesemua kawasan di IADA Pekan merupakan kawasan bertanah liat. Terdapat sebahagian kawasan tersebut adalah tanah berpasir (33% kawasan bertanah pasir). Ini menyukarkan petani untuk menanam padi kerana kawasan tanah jenis berpasir tidak dapat memegang air yang secukupnya untuk penanaman padi.

Jumlah kehadiran kursus yang rendah bagi IADA Pekan (33%) dan IADA Rompin (11%). Peratusan yang rendah di kedua-dua IADA menunjukkan bahawa mereka tidak mendapat kursus-kursus yang sepatutnya. Ini mungkin berlaku kerana sebelum ini, mereka di kawasan IADA Pekan dan IADA Rompin merupakan kawasan luar jelapang dan para petani tidak didedahkan dengan kursus-kursus berkaitan kerana kurangnya akses kepada maklumat berkaitan kursus dan kesukaran untuk menghadirinya.

Penerimaan jenis subsidi juga berbeza di mana kedua-dua kawasan ini menerima hanya 5 jenis subsidi berbanding dengan 11 jenis yang sepatutnya diperolehi jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan jelapang yang lain yang dikaji sebelum ini. Lima jenis subsidi yang diterima adalah baja sebatian, urea, baja tambahan, membajak dan harga padi. Namun begitu dimaklumkan bahawa perbezaan ini berlaku kerana perubahan keputusan daripada Kementerian yang melakukan semakan semula berkenaan pemberian subsidi di mana mulai tahun 2017, tidak kesemua jelapang akan menerima semua jenis subsidi, sebaliknya subsidi akan diberikan berdasarkan kepada keperluan di jelapang sahaja.

Berkaitan penglibatan agensi lain pula, didapati bahawa IADA Rompin ada mendapatkan bantuan daripada agensi lain selain bantuan daripada IADA sendiri iaitu MARDI, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Kebergantungan kepada banyak agensi selain IADA menunjukkan menggambarkan bahawa keupayaan IADA kawasan perlu meningkatkan keupayaan untuk membantu para petani di kawasan mereka. Namun begitu, di IADA Pekan, mereka didapati tidak menerima apa-apa khidmat nasihat luar selain daripada IADA Pekan sendiri. Andaian yang boleh dikatakan bahawa berkemungkinan para petani telah mendapat maklumat sepenuhnya daripada pihak IADA Pekan sendiri atau mereka masih belum sempat didedahkan dengan khidmat nasihat atau kursus berkaitan selain daripada yang diberikan oleh pihak IADA Pekan sendiri.

Jadual 10.7. Faktor penyumbang Struktur kepada jurang hasil padi

Jelapang	Faktor penyumbang perbezaan jurang hasil variabel Struktur
IADA Pekan	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi sawah yang jauh daripada sumber air • Jenis tanah berpasir • Kehadiran kursus • Menerima hanya 5 jenis bantuan subsidi
IADA Rompin	<ul style="list-style-type: none"> • Kehadiran kursus • Menerima hanya 5 jenis bantuan subsidi • Menerima bantuan khidmat nasihat tambahan daripada MARDI, JP & LPP

10.4.1.2 Analisis Proses untuk Faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Tiga soalan digunakan untuk menunjukkan PROSES di mana berupaya menunjukkan bagaimana amalan mereka mempengaruhi hasil padi para petani. Ketiga-tiga soalan seperti dalam *Jadual 10.8*.

Jadual 10.8. Penerangan variabel soalan proses untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

Variabel	Penerangan variabel
JP1. Pemantauan tanaman	Pemantauan kerap terhadap tanaman yang memberi kesan kepada peningkatan hasil (dalam tempoh seminggu)
JP2. Aktiviti ladang mengikut panduan penanaman	Melakukan semua aktiviti (9 jenis aktiviti utama sawah) seperti disarankan dalam panduan penanaman memberikan kesan terhadap peningkatan hasil
JP3. Masalah dan kekangan	Masalah yang tinggi dihadapi mengurangkan hasil

Ketiga-tiga soalan tersebut ditanyakan untuk memberikan jawapan sama ada para petani tersebut melaksanakan atau tidak proses kerja yang sepatutnya di bagi memastikan pengeluaran hasil padi berada pada kemampuan maksimum. Dapatan kajian (*Jadual 10.9* dan *Lampiran 10.2*) mendapati bahawa aktiviti pemantauan sawah tidak mempengaruhi terhadap jurang hasil di antara kawasan jelapang tersebut.

Pelaksanaan petani dalam melaksanakan aktiviti ladang mengikut aktiviti sawah yang utama pula mendapati bahawa terdapat enam aktiviti tidak dilaksanakan sebaiknya berdasarkan panduan yang disyorkan di antara kedua-dua kawasan jelapang tersebut. Bagi IADA Pekan, aktiviti yang perlu dipertingkatkan pelaksanaan adalah penyediaan benih, penyediaan tanah, pengurusan air, pengurusan rumpai, dan pengurusan perosak dan penyakit. Petani di IADA Rompin pula, tumpuan perlu diberikan kepada aktiviti penyediaan tanah, pengurusan air, pembajaan, pengurusan rumpai, dan pengurusan perosak dan penyakit.

Masalah dan kekangan yang dihadapi oleh para petani di kedua-dua kawasan tersebut berbeza mengikut jelapang di mana didapati di IADA Rompin, tenaga kerja, infrastruktur, lepas tuai dan khidmat agensi. Manakala bagi IADA Rompin pula, mereka mendapati masalah tenaga kerja dan khidmat agensi merupakan masalah dan kekangan utama mereka di sana.

Jadual 10.9. Faktor penyumbang Proses kepada jurang hasil padi

Jelapang	Faktor penyumbang perbezaan jurang hasil variabel Proses
IADA Pekan	- Pelaksanaan aktiviti ladang iaitu i) penyediaan benih ii) penyediaan tanah iii) pengurusan air iv) pengurusan rumpai v) pengurusan perosak dan penyakit
	- Masalah dan kekangan dari aspek i) tenaga kerja ii) infrastruktur iii) lepas tuai iv) Khidmat agensi
IADA Rompin	- Pelaksanaan aktiviti ladang iaitu i) penyediaan tanah ii) pengurusan air iii) pembajaan iv) pengurusan rumpai v) pengurusan perosak dan penyakit
	- Masalah dan kekangan dari aspek i) tenaga kerja ii) Khidmat agensi

10.4.1.3 Analisis Budaya untuk Faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Analisis BUDAYA pula menerangkan bagaimana STRUKTUR yang disediakan oleh pihak Kementerian atau Agensi dan PROSES iaitu amalan kerja yang sepatutnya dilakukan oleh petani akan menyebabkan satu BUDAYA di kalangan petani yang menunjukkan keberkesanan struktur dan proses membentuk budaya yang positif dan baik di kalangan para petani ini. Untuk itu, tujuh soalan ditanyakan untuk melihat apakah budaya yang terbentuk di

kalangan para petani ini di kawasan–kawasan tersebut. Tujuh soalan tersebut adalah seperti dalam *Jadual 10.10*.

Jadual 10.10. Penerangan variabel soalan budaya untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

Variabel	Penerangan variabel
JB1 - Faedah Kursus	Kursus yang dihadiri sangat berfaedah kepada petani yang mana membantu dalam meningkatkan hasil
JB2 - Peningkatan pengetahuan daripada kursus	Tahap pengetahuan daripada kursus yang dihadiri membantu meningkatkan tahap pengetahuan berkaitan amalan penanaman yang membantu dalam meningkatkan hasil
JB3 - Kepercayaan terhadap sumber maklumat	Tahap kepercayaan terhadap sumber yang menyampaikan maklumat sangat dipercayai yang mana membantu dalam meningkatkan hasil
JB4 - Keberkesanan maklumat yang diberikan oleh agensi	Maklumat yang disampaikan kepada petani oleh agensi sangat berkesan yang mana membantu dalam meningkatkan hasil
JB5 - Faktor persekitaran	Pandangan positif mengenai faktor persekitaran mempengaruhi dalam meningkatkan hasil
JB6 - Faktor lokasi	Pandangan positif mengenai faktor lokasi sawah mempengaruhi dalam meningkatkan hasil
JB7 - Faktor Amalan	Pandangan positif mengenai faktor amalan pesawah mempengaruhi dalam meningkatkan hasil

Analisis yang dilakukan bagi ketujuh-tujuh soalan tersebut (*Jadual 10.11* dan *Lampiran 10.3*) menunjukkan bahawa petani di IADA Pekan melihat bahawa peningkatan pengetahuan daripada kursus dan kepercayaan terhadap sumber maklumat memberikan kesan wujudnya jurang hasil di kalangan mereka. Maklum balas daripada petani menyatakan bahawa walaupun berpuas hati dengan kursus yang diberikan berkaitan amalan pertanian, namun ia masih tidak memberikan peningkatan pengetahuan kepada mereka terutama berkaitan proses penyediaan tanah, pengurusan air, rumpai, perosak, penyakit dan lepas tuai. Manakala bagi kepercayaan terhadap sumber maklumat pula, mereka masih tidak mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap maklumat yang disampaikan sama ada daripada pihak IADA Pekan sendiri, PPK, Jabatan Pertanian, servis provider dan syarikat swasta. Faktor keberkesanan terhadap maklumat yang disampaikan pula, kesemua petani tidak menjawab soalan ini.

Petani di IADA Rompin pula menyatakan bahawa faedah kursus, kepercayaan terhadap sumber maklumat dan keberkesanan maklumat yang disampaikan oleh agensi menyumbang kepada jurang yang wujud di sana. Majoriti petani di IADA Rompin menyatakan bahawa walaupun telah menghadiri kursus yang berkaitan, tahap pengetahuan dalam teknologi, kefahaman berkaitan teknologi, amalan penanaman masih tidak dicapai sepenuhnya. Di samping itu juga, didapati bahawa meskipun telah menghadiri kursus, tahap motivasi untuk memajukan diri, kesedaran mengenai kepentingan teknologi masih tidak di capai oleh mereka. Hubungan kerjasama diantara para petani dan antara agensi juga dikatakan agak rendah atau kurang perhubungan sesama mereka. Kepercayaan terhadap sumber maklumat dan keberkesanan maklumat yang disampaikan oleh agensi pula dikatakan mengapa walaupun kursus diberikan, mereka masih tidak berupaya menunjukkan prestasi sebenar dan memberi kesan kepada tahap pengeluaran padi di kawasan tersebut.

Jadual 10.11. Faktor penyumbang Budaya kepada jurang hasil padi

Jelapang	Faktor penyumbang perbezaan jurang hasil variabel Budaya
IADA Pekan	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan pengetahuan daripada kursus • Kepercayaan terhadap sumber maklumat
IADA Rompin	<ul style="list-style-type: none"> • Faedah kursus • Kepercayaan terhadap sumber maklumat • Keberkesanan maklumat yang diberikan oleh agensi

10.4.2 Impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Penilaian bagi menentukan impak penerimaan subsidi kepada para petani menggunakan model struktur, proses dan budaya berupaya menerangkan bagaimanakah dengan pemberian subsidi memberikan kesan kepada para petani dan seterusnya kepada keberhasilan hasil padi. STRUKTUR dalam impak penerimaan subsidi kepada petani menerangkan apakah jenis-jenis subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada para petani, PROSES pula menilai waktu penerimaan subsidi-subsidi ini kepada para petani dan BUDAYA menjelaskan keberkesanan subsidi terhadap sawah mereka dan juga kesan kepada kehidupan para petani.

10.4.2.1 Analisis struktur untuk impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Impak struktur bagi penerimaan input subsidi melihat kepada apakah bentuk pemberian subsidi yang diterima oleh para petani. *Jadual 10.12* dan *Lampiran 10.4* menunjukkan terdapat 11 jenis subsidi yang diterima oleh para petani merangkumi daripada bantuan jentera, baja, racun, dan harga padi. Namun begitu, selaras dengan keputusan daripada Kementerian yang pada 2017, tidak kesemua jelapang akan menerima semua jenis subsidi, sebaliknya subsidi akan diberikan berdasarkan kepada keperluan di jelapang sahaja. Oleh yang demikian, IADA Pekan dan IADA Rompin hanya menerima subsidi baja sebatian, urea, baja tambahan, membajak dan harga padi.

Jadual 10.12. Impak Struktur bagi penerimaan input subsidi

Jelapang	Impak penerimaan input subsidi bagi variabel Struktur
IADA Pekan	Menerima 5 jenis subsidi daripada 11 jenis yang diberikan: <ol style="list-style-type: none"> i) Baja sebatian ii) Urea iii) Baja tambahan iv) Membajak v) Harga padi
IADA Rompin	Menerima 5 jenis subsidi daripada 11 jenis yang diberikan: <ol style="list-style-type: none"> i) Baja sebatian ii) Urea iii) Baja tambahan iv) Membajak v) Harga padi

10.4.2.2 Analisis Proses untuk impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Analisis proses bagi impak penerimaan input subsidi menilai bilakah masa para petani menerima bantuan subsidi berdasarkan kepada penjadualan yang sepatutnya diterima kerana bantuan-bantuan subsidi ini seharusnya dapat kepada para petani berdasarkan kepada jadual penanaman yang telah dirancang selari dengan manual penanaman padi. Didapati bahawa di IADA Rompin, mereka menerima tepat pada waktunya bantuan subsidi yang di berikan berbanding dengan IADA Pekan yang menyatakan bahawa mereka menerima lewat bagi tiga jenis subsidi iaitu subsidi baja sebatian, urea dan baja tambahan (*Jadual 10.13 dan Lampiran 10.5*).

Jadual 10.13. Impak Proses bagi penerimaan input subsidi

Jelapang	Impak penerimaan input subsidi bagi variabel Proses
IADA Pekan	Lewat menerima bantuan i) Baja Sebatian (kg) ii) Urea (kg) iii) Baja Tambahan (kg)
IADA Rompin	Tiada

10.4.2.3 Analisis Budaya untuk impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Bagi melihat impak keberkesanan input kepada peningkatan hasil dalam sudut budaya, dua soalan ditanyakan untuk melihat bagaimanakah subsidi ini memberikan kesan kepada para petani. Dua soalan tersebut adalah seperti dalam *Jadual 10.14*.

Jadual 10.14. Penerangan variabel soalan budaya untuk mengukur impak penerimaan subsidi

Variabel	Penerangan variabel
SB1- Keberkesanan terhadap peningkatan hasil	Pandangan keberkesanan setiap jenis bantuan subsidi yang diterima kepada peningkatan hasil
SB2-Kesan penggunaan terhadap kehidupan	Pandangan terhadap bantuan subsidi dalam peningkatan hasil kepada kehidupan petani

Analisis budaya melihat bagaimana keberkesanan bantuan subsidi terdapat para petani berdasarkan kepada dua persektif iaitu keberkesanan bantuan subsidi itu sendiri dan kesanya kepada kehidupan para petani. *Jadual 10.15 dan Lampiran 10.6* menunjukkan bahawa di IADA Pekan, hanya bantuan subsidi membajak memberikan kesan yang baik kepada mereka manakala bantuan subsidi baja sebatian, urea, baja tambahan dan harga padi tidak memberikan kesan yang positif kepada mereka. Kesan bantuan subsidi terhadap kehidupan pula didapati sebenarnya tidak memberikan manfaat kepada kehidupan mereka terutama kepada kos upah yang tiada perubahan menurut petani di IADA Pekan, di samping meningkatkan kos pengeluaran, masalah rumpai dan juga masalah perosak di kawasan mereka.

Para petani di IADA Rompin juga menyatakan bahawa bantuan subsidi membajak sahaja yang memberikan kesan yang baik kepada mereka manakala bantuan subsidi baja sebatian, urea, baja tambahan dan harga padi tidak memberikan kesan yang positif kepada mereka. Manakala pada pandangan mereka, bantuan subsidi ini tidak mendatangkan sebarang perubahan kepada kehidupan mereka sama ada kepada aktiviti sawah, kesuburan tanah, peningkatan pendapatan, keselesaan hidup, masalah rumpai dan juga kepada masalah perosak. Malah, mereka menyatakan juga bahawa dengan bantuan subsidi ini, kos upah dan kos pengeluaran mereka meningkat.

Walaupun bagaimanapun, berkaitan masalah rumpai dan perosak ini mungkin berlaku kerana amalan para petani yang kurang menjaga kawalan rumpai, penyakit dan perosak dengan betul seperti yang disyorkan oleh amalan ladang yang sepatutnya yang menyebabkan bantuan yang diterima tidak memberikan impak yang sepatutnya seperti yang diharapkan.

Jadual 10.15. Impak Budaya bagi penerimaan input subsidi

Jelapang	Impak penerimaan input subsidi bagi variabel Budaya
IADA Pekan	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak keberkesanan bagi baja sebatian, urea dan baja tambahan dan harga padi. • Tiada perubahan terhadap kehidupan daripada aspek kos upah, manakala ia meningkatkan kos pengeluaran, masalah rumpai dan masalah penyakit.
IADA Rompin	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada keberkesanan bagi baja sebatian, urea dan baja tambahan dan harga padi. • Tiada perubahan terhadap kehidupan daripada aspek aktiviti sawah, kesuburan tanah, peningkatan pendapatan, keselesaan hidup, masalah rumpai dan masalah penyakit, dan manakala ia meningkatkan kos upah dan kos pengeluaran.

10.5 RUMUSAN

Amalan pertanian adalah antara perkara utama yang menjadikan penghasilan beras berada pada tahap maksimum sekiranya dilakukan dengan mengikut panduan dan masa yang telah ditetapkan. Pelbagai perkara perlu diambil kira dalam memastikan hasil pengeluaran yang tertinggi diperolehi. Pihak agensi perlu memastikan bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan sampai kepada para petani dan memastikan keperluan yang diperlukan di penuhi mengikut jenis bantuan yang ada disediakan oleh pihak kerajaan. Peningkatan kepada latihan secara berkala dan juga kursus-kursus yang berkaitan untuk tambah baik amalan ladang mereka. Selain itu juga, pihak agensi hendaklah membantu para petani menyampaikan bantuan dan khidmat nasihat tambahan sebagai panduan kepada para petani. Oleh itu, untuk menilai sama ada amalan-amalan ini dilaksanakan oleh para petani, analisis menggunakan model struktur, proses dan budaya oleh Paulu Wirotomo mampu untuk menjelaskan apakah tahap amalan kerja oleh para petani ini di ketiga-tiga jelapang padi ini yang mempengaruhi perbezaan jurang hasil mereka dan juga impak kepada penggunaan input subsidi terhadap para petani.

Kedua-dua kawasan jelapang ini didapati mengeluarkan hasil purata (musim utama dan luar musim) yang sama iaitu pada 3.35 tan di IADA Pekan dan IADA Rompin. Walaupun di kedua-dua kawasan ini menghasilkan jumlah pengeluaran yang sama, didapati terdapat

perbezaan amalan kerja yang dilaksanakan oleh para petani yang menjadi faktor berlakunya jurang hasil di kawasan-kawasan ini jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan sawah yang lain di seluruh negara.

Perbezaan amalan kerja oleh para petani dan juga peranan agensi menunjukkan perlunya penambahbaikan oleh kedua-dua pihak untuk memastikan jurang hasil yang berlaku dapat dikurangkan. Peranan daripada para petani hendaklah bersedia untuk menerima pendedahan-pendedahan baru untuk membantu mereka dalam pengurusan amalan ladang mereka. Penambahbaikan dalam amalan pengurusan ladang terutama untuk penyediaan benih, tanah, pembajaan, pengurusan air, penyakit, perosak dan rumpai adalah amat penting. Memahami dengan lebih baik penggunaan teknologi juga sangat membantu para petani dalam melaksanakan aktiviti pertanian mereka. Peranan agensi pula hendaklah memastikan bantuan yang seharusnya diterima oleh para petani sampai pada waktu yang sepatutnya. Pengetahuan dikalangan pegawai pengembangan juga perlu dipertingkatkan selaras dengan perubahan arus teknologi dan mekanisasi agar mereka berupaya menyalurkan maklumat dan pengetahuan dengan lebih efisien dan pantas.

Impak penggunaan input subsidi pula tidak memberikan kesan yang sangat ketara kerana hanya menerima 5 jenis berbanding keseluruhan 11 jenis subsidi input yang diterima sekiranya di kaji pada awal 2015. Namun begitu, rata-rata para pesawah menyatakan bahawa impak kepada subsidi input itu tidak begitu berkesan kecuali subsidi membajak. Kesan terhadap kehidupan mereka juga dikatakan tidak banyak berubah dan sama sahaja jika menerima ataupun tidak bantuan subsidi tersebut.

Perbezaan-perbezaan yang dikenal pasti ini penting untuk memahami apakah manfaat dan faedah yang diterima oleh petani menurut perspektif mereka terhadap bantuan-bantuan yang diterima oleh mereka daripada pihak kerajaan. Oleh itu, sekiranya perbezaan ini ditangani dengan baik dengan memperbaiki amalan kerja, bentuk-bentuk khidmat nasihat dan sokongan daripada agensi seperti yang disarankan, berkemungkinan hasil pengeluaran di kawasan jelapang tersebut dapat dipertingkatkan dan mengurangkan jurang hasil yang sedia ada jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan jelapang yang lain di Semenanjung Malaysia.

10.6 SARANAN

Berdasarkan kepada kajian ini, beberapa saranan penambahbaikan disyorkan bagi kedua-dua kawasan jelapang terutama kepada agensi dan para petani bagi meningkatkan amalan pertanian mereka. Beberapa cadangan penambahbaikan meliputi perkara-perkara yang perlu di ambil berat oleh agensi dan petani seperti dalam *Jadual 10.16*.

Jadual 10.16. Saranan penambahbaikan kepada agensi dan petani

Saranan penambahbaikan	Peranan agensi	Peranan petani
IADA Pekan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan bantuan subsidi mencukupi, bersesuaian dan diterima petani tepat pada masanya • Tingkatkan peranan dan pengetahuan pegawai agensi 	<ul style="list-style-type: none"> • Tingkatkan amalan ladang seperti penyediaan benih, tanah, pengurusan air, pengurusan rumpai, perosak dan penyakit • Dapatkan bantuan modal pusingan • Input subsidi = baja sebatian, urea, baja tambahan dan harga padi kurang berkesan untuk tingkatkan hasil, perlu kepada bantuan input lain juga.
IADA Rompin	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan bantuan subsidi mencukupi dan bersesuaian • Tingkatkan peranan dan pengetahuan pegawai agensi 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pengetahuan berkaitan teknologi berkaitan dengan hadiri kursus • Tingkatkan amalan ladang seperti penyediaan tanah, pengurusan air, pembajaan, pengurusan rumpai, perosak dan penyakit • Dapatkan bantuan modal pusingan • Input subsidi = baja sebatian, urea, baja tambahan dan harga padi kurang berkesan untuk tingkatkan hasil, perlu kepada bantuan input lain juga.

10.7 RUJUKAN

- Hairuddin MA., Nasir S, Ariff H, Zainal M. dan Alias R. (2012). Economic evaluation of rice IPM practices in MADA, Malaysia. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 3(9): 47 – 55. Published by IISTE, NEW YORK, United States
- Noorlidawati Ab Halim, Rozita Mohd Yusof. (2015). “Jaminan bekalan makanan di Malaysia: Perspektif pemain industri.” *Economic and Technology Management Review*, 10a: 1 – 10
- Paulu Wirotomo. (2011). “Social development policies on informal sector in solo”. *International Journal of Administrative Science & Organization* 18(2): 94 – 107
- Rosnani Harun. 2016. *Kajian penandaarasan dan memprospek teknologi pengeluaran padi*. Laporan Kajian Sosioekonomi, Serdang: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

10.8 LAMPIRAN

Lampiran 10.1. Faktor penyumbang Struktur kepada jurang hasil

Variabel	IADA Pekan	IADA Rompin	Faktor penyumbang	Indikator	
	n	40			27
	Purata Hasil (tan)	3.35	3.35		
JS1 - Lokasi sawah dekat dengan sumber air	29/40	23/27	Ya	> 75%	
	73%	85%			
JS2 - Jenis tanah	Berpasir	Liat	Ya	Liat / Selut Hitam, > 50%	
	33%	59%			
JS3 - Hadir kursus	13/40	3/27*	Ya	> 75%	
	33%	11%*			
JS4 - Terima subsidi (Jenis subsidi =11)	5	5	Ya	11 jenis	
JS5 - Penglibatan Agensi (selain IADA)	-	MARDI, JP, LPP	Ya	Selain IADA	
JS6 - Panduan penanaman (<i>Rice check</i>)	Ada	Ada	Tidak		

Lampiran 10.2. Faktor Penyumbang Proses kepada jurang hasil

Variabel	IADA Pekan	IADA Rompin	Faktor penyumbang	Indikator	
	n	40			27
	Purata Hasil (tan)	3.35	3.35		
JP1. Pemantauan tanaman	4/7 hari	5/7 hari	Tidak	>=4 hari	
	Penyediaan benih	73%	85%	Ya	< 75%
JP2. Aktiviti ladang mengikut panduan penanaman	Kaedah menanam / menabur benih	100%	100%	Tidak	< 75%
	Penyediaan tanah	68%	51%	Ya	< 75%
	Pembajakan tanah	75%	78%	Tidak	< 75%
	Pengurusan air	58%	73%	Ya	< 75%
	Pembajaan	77%	66%	Ya	< 75%
	Pengurusan rumpai	54%	53%	Ya	< 75%
	Pengurusan perosak dan penyakit	62%	54%	Ya	< 75%
	Pengurusan lepas tuai	96%	98%	Tidak	< 75%
JP3. Masalah & kekangan	Kos Modal	78%	81%	Ya	> 75%
	Kos input tinggi	76%	81%		
	Kurang modal pusingan	79%	80%		
	Tenaga Kerja	69%	74%	Tidak	> 75%
	Kurang tenaga pekerja	71%	75%		
	Usia petani	71%*	78%		

Tiada waris	64%*	68%		
Teknologi	79%	75%	Ya	> 75%
Kurang pengetahuan teknologi	79%	75%		
Input	77%	80%	Ya	> 75%
Input sukar diperoleh	77%	80%		
Infrastruktur	71%	76%	Ya	> 75%
Tanah tidak sesuai	66%	71%		
Pengurusan air tidak cekap	75%	81%		
Penyakit dan Perosak	76%	83%	Ya	> 75%
Masalah perosak penyakit	76%	82%		
Masalah rumpai	76%	83%		
Lepas tuai	72%	76%	Ya	> 75%
Masalah penuaian	74%	76%		
Masalah pemasaran	67%	79%		
Harga padi tidak stabil	66%	78%		
Peratus potongan tinggi	79%	82%		
Masalah pengangkutan padi	73%*	65%*		
Khidmat agensi	73%	68%	Tidak	> 75%
Kurang pemantauan	73%*	68%		

Lampiran 10.3. Faktor Penyumbang Budaya kepada jurang hasil

Variabel	IADA Pekan		IADA Rompin		Faktor penyumbang	Indikator
	n					
		40		27		
	Purata Hasil (tan)	3.35		3.35		
JB1 - Faedah Kursus		81%		40%		< 75%
Pengetahuan teknologi terkini		73%		66%		
Kefahaman teknologi		79%		66%		
Amalan penanaman		80%		69%		
Motivasi diri		86%		20%		
Kesedaran menggunakan teknologi terkini		81%		21%		
Kerjasama antara petani		84%		20%		
Kerjasama dengan agensi		83%		18%		
JB2 - Peningkatan pengetahuan daripada kursus		74%		81%		< 75%
Penyediaan benih		77%		83%		
Penyediaan tanah		73%		83%		
Pembajakan tanah		76%		82%		
Pengurusan air		73%		78%		
Pembajaan		78%		81%		
Pengurusan rumpai		74%		81%		
Pengurusan P&D		73%		79%		
Pengurusan Lepas Tuai		71%		81%		
JB3 - Kepercayaan terhadap sumber maklumat		71%		70%		< 75%
Pegawai pengembangan daripada agensi		73%		67%		

Pegawai PPK	72%	69%	
Pegawai Jabatan Pertanian	69%	76%	
Ketua unit/blok	69%	75%	
AJK projek	68%	72%	
<i>Service provider</i>	72%	72%	
Kawan-kawan	75%	72%	
Syarikat swasta (racun)	72%	63%	
Pengeluar benih	71%	63%	
JB4 - Keberkesanan maklumat yang diberikan oleh agensi		67%	< 75%
Amalan pertanian (keseluruhan)		67%	
Kewangan/ subsidi		70%	
Pengurusan tanah		71%	
Kaedah penanaman		69%	
Pengurusan penyakit / perosak		64%	
Pengurusan rumpai		64%	
Pengairan		64%	
Pembajaan		69%	
Peralatan sawah		70%	
Pengurusan lepas tuai		69%	
JB5 - Faktor persekitaran	79%	79%	< 75%
Faktor cuaca	86%	83%	
Faktor bencana alam	87%	85%	
Faktor tanah	84%	78%	
Faktor sumber air	91%	86%	
Faktor pencemaran air	72%	75%	
Faktor pencemaran udara	59%	67%	
Faktor sisa jerami	72%	76%	
JB6 - Faktor lokasi	85%	82%	< 75%
Lokasi sawah	77%	75%	
Status air	86%	86%	
Kualiti petak sawah	87%	79%	
Kualiti benih	88%	86%	
Kadar benih	84%	82%	
Status nutrien tanah	88%	84%	
JB7 - Faktor Amalan	89%	83%	< 75%
Kawalan rumpai	91%	86%	
Kawalan perosak penyakit	93%	87%	
Kecekapan penuaian	85%	79%	
Penggunaan jentera mesin	86%	81%	

Lampiran 10.4. Impak Struktur bagi penerimaan input subsidi

Variabel	IADA Pekan	IADA Rompin	Faktor penyumbang	Indikator
	n	27		
Purata Hasil (tan)	3.35	3.35		
Baja Sebatian (kg)	300	375	Tidak	Terima bantuan
Urea (kg)	100	120	Tidak	Terima bantuan
Baja Tambahan (kg)	150	200	Tidak	Terima bantuan
Racun Perosak (RM)	X	X		Terima bantuan

Penggalak Pencambahan Benih (1)	X	X		Terima bantuan
Baja Semburan Dedaun (1)	X	X		Terima bantuan
Tonik Tanaman (1)	X	X		Terima bantuan
Baja Organik (kg)	X	X		Terima bantuan
Kapur Dan Upah (2)	X	X		Terima bantuan
Membajak (RM)	100	100	Tidak	Terima bantuan
Harga Padi (RM)	300	300	Tidak	Terima bantuan

(X = Tidak menerima) (Nota: 1: Dihentikan pada 2017, 2: Diberikan kepada kawasan yang perlu sahaja)

Lampiran 10.5. Impak Proses bagi penerimaan input subsidi

Variabel	IADA Pekan		IADA Rompin		Faktor penyumbang	Indikator
	N	40	27			
	Purata Hasil (tan)	3.35	3.35			
Baja Sebatian (kg)	1		2		Ya	Kekerapan Mod*
Urea (kg)	1		2		Ya	Kekerapan Mod*
Baja Tambahan (kg)	1		2		Ya	Kekerapan Mod*
Racun Perosak (RM)	X		X			Kekerapan Mod*
Penggalak Pencambahan Benih	X		X			Kekerapan Mod*
Baja Semburan Dedaun	X		X			Kekerapan Mod*
Tonik Tanaman	X		X			Kekerapan Mod*
Baja Organik (kg)	X		X			Kekerapan Mod*
Kapur Dan Upah	X		X			Kekerapan Mod*
Membajak (RM)	2		2		Tidak	Kekerapan Mod*

*(1 = Lewat terima, 2 = Tepat pada waktunya, 3 = Cepat terima) dan (X = tidak menerima)

Lampiran 10.6 Impak Budaya bagi penerimaan input subsidi

Variabel	IADA Pekan		IADA Rompin		Faktor penyumbang	Indikator
	N	40	27			
	Purata Hasil (tan)	3.35	3.35			
SB1- Keberkesanan terhadap peningkatan hasil	Baja Sebatian (kg)	73%	71%		Ya	< 75%
	Urea (kg)	73%	73%		Ya	< 75%
	Baja Tambahan (kg)	72%	69%		Ya	< 75%

	Racun Perosak (RM)	X	X	< 75%
	Penggalak Pencambahan Benih	X	X	< 75%
	Baja Semburan Dedaun	X	X	< 75%
	Tonik Tanaman	X	X	< 75%
	Baja Organik (kg)	X	X	< 75%
	Kapur Dan Upah	X	X	< 75%
	Membajak (RM)	92%	75%	Tidak < 75%
	Harga Padi (RM)	68%	70%	Ya < 75%
SB2-Kesan penggunaan terhadap kehidupan	Aktiviti sawah	3	2	Ya Kekerapan Mod** =<2
	Kesuburan tanah	3	2	Ya Kekerapan Mod** =<2
	Peningkatan pendapatan	3	2	Ya Kekerapan Mod** =<2
	Keselesaan hidup	3	2	Ya Kekerapan Mod** =<2
	Kos upah (-ve)	2	3	Ya Kekerapan Mod** =>2
	Kos pengeluaran (-ve)	3	3	Ya Kekerapan Mod** =>2
	Masalah Rumpai (-ve)	3	2	Ya Kekerapan Mod** =>2
	Penyakit perosak (-ve)	3	2	Ya Kekerapan Mod** =>2

** (1 = Menurun, 2 = Tiada perubahan, 3 = Meningkatkan) dan (X = tidak menerima)